

"Kami di DQ sangat menitikberatkan soal penggunaan barangan elektrik terutama bagi pelajar. Oleh itu, kita gunakan sistem mirip universiti
Mohd Norizan Abd Ghani



Muhammad Saufi Hassan
saurfi@hmetro.com.my

Kuala Kubu Bharu

Umumnya infrastruktur universiti bertaraf antarabangsa. Itu yang boleh digambarkan talip fasiliti Tahfiz Darul Quran (DQ) milik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Institusi itu bukan saja mempunyai fasiliti mirip universiti, malah pelbagai kemudahan disediakan termasuk mendapat pengiktirafan ISO dalam pengurusan kualiti.

Selain itu, aspek keselamatan sememangnya menjadi fokus utama apabila ditempatkan pegawai keturu teraan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melaksanakan penilaian daripada pelbagai aspek terutama elektrik.

Tinjauan Harian Metro di DQ JAKIM mendapati semua fasiliti, aspek penggera kebakaran dan pelbagai lagi peralatan diselenggara dengan baik untuk mengelakkan sebarang insiden tidak diingini berlaku.

Timbalan Pengarah (Akademik) DQ JAKIM, Kuala Kubu Bharu, Mohd Norizan Abd Ghani berkata, aspek keselamatan sememangnya menjadi fokus utama selain daripada penyelenggaraan fasiliti sedia ada.

"Kita mempunyai jawa-



Prasarana bertaraf global

Tahfiz Darul Quran diiktiraf ISO dalam pengurusan kualiti

INSTITUSI Pengajian Tinggi Tahfiz Al-Quran, Darul Quran JAKIM di Ampang Pecah, Kuala Kubu Baru yang mengikut garis panduan keselamatan yang ditetapkan JKR dan bomba.

tanjutasa keselamatan yang bersidang setiap tiga bulan sekali di peringkat JAKIM. Ketika mesyuarat itu, kita akan lihat semula atau bangkitkan isu berkaitan keselamatan ini.

"Kami juga di DQ sangat menitikberatkan soal penggunaan barangan elektrik terutama bagi pelajar. Oleh itu, kita gunakan sistem mirip universiti.

"Setiap barangan atau perkakasan elektrik mesti didaftarkan dengan pihak pengurusan DQ dan kita kerap

melakukan pemeriksaan mengelut di bilik. Jika ada penyambungan elektrik yang tidak dibenarkan, kita rampas," katanya.

Mohd Norizan berkata, dalam hal itu, pihak pengurusan DQ sangat tegas dan tiada kompromi kerana perkara seperti litar pintas boleh dielakkan jika pengawasan dilaksanakan dengan baik.



Bellau berkata, pihak pengurusan turut bekerjasama rapat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) untuk melakukan penilaian semula terhadap alat penggera kebakaran untuk satu tempoh tertentu.

"Kita perlu faham setiap bangunan ini atau peralatan penggera kebakaran ini perlu dinilai semula sama ada ia

berfungsi atau tidak dalam satu tempoh masa. Untuk tujuan itu, kita memanggil JBPM untuk melakukan pemeriksaan.

"Hasil pemeriksaan itu, JBPM akan mengemukakan laporan dan kita akan bertindak atas laporan berkenaan. Jika membabitkan peruntukan dana, kita akan mengadakan mesyuarat dengan jawatankuasa tertentu di JAKIM," katanya.

Sebagai persediaan, menurutnya, pihak pengurusan turut mengadakan latihan kebakaran sebagai pendedahan kepada pelajar bersama JBPM.

Terbang dari Amerika Syarikat jumpa rakan ITM



Shah Alam: Bagi mengukuhkan lagi silaturahmi dan persahabatan lebih empat dekad lalu, 90 bekas penuntut Diploma Pengajian Perniagaan (DBS) dan Diploma Perbankan (DIB) Institut Teknologi MARA (ITM) kini Universiti Teknologi MARA

(UTM) dihindungkan dalam satu acara khas, semalam.

Uniknya, mereka yang terdiri daripada lebih 180 Alumni Class of 1977 itu merangkumi pelbagai profesion dan latar belakang termasuk yang menetap di Amerika Syarikat.



SEBAHAGIAN bekas pelajar ITM 1977 bergambar bersama pada Majlis Reunion Bekas Pelajar ITM di Coffee House Hotel Concorde Shah Alam.

Walupun pengajian tamat sejak 40 tahun lalu, hubungan mereka yang rata-ratanya sudah bersara masih utuh dengan penganjuran majlis reunion kali keempat secara santai di sebuah hotel di sini.

A Halim Suleiman, 62, yang menetap di Redmond, Seattle berkata, dia dan isterinya, Zaiton Mokhtar, 60, tidak melepaskan peluang untuk menyertai acara itu sejak alumni berkenaan ditubuhkan pada 2011.

"Biarpun menetap di luar negara sejak 12 tahun lalu, saya bersama isteri yang juga

alumni sama sentiasa meluangkan waktu untuk menghadiri majlis khas ini.

"Ikatan persahabatan itu penting dan ada daripada rakan kami tidak ditemui selama puluhan tahun. Pada zaman 1977 itu, batch kami paling ramai dalam jurusan

DBS/DIB di ITM dan hubungan kami ibarat keluarga besar," katanya.

Menurut pesara swasta itu, dia berterima kasih dan menghargai usaha kerajaan yang sentiasa membantu mahasiswa tempatan terutama melanjutkan pengajian ke luar negara sejak dulu sehingga kini.

Bagi Mazlan Muhammad, 61, ikatan persaudaraan mereka semakin erat dengan kemudahan teknologi terutama aplikasi WhatsApp untuk berkomunikasi berbanding hanya menerusi e-mel sebelum ini.

"Penggunaan media sosial memang memudahkan lagi komunikasi antara kami yang ada daripadanya terpisah sejak sekian lama malah sudah meninggal dunia. Justeru, ia perlu dimanfaatkan untuk mengeratkan silaturahmi sedia ada," katanya.

Dalam pada itu, Sekretariat alumni itu, Rozny Dahalan berkata, majlis yang turut diraikan sempena sambutan 40 tahun graduasi mereka bertujuan memperkembangkan lagi hubungan perniagaan atau sosial.